

# MPPUPM bangga masalah selesai

**S**EMUA agenda dan janji yang dibuat Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM) ketika pilihan raya kampus setahun lalu ditunaikan. Ini termasuk masalah kritikal seperti keku-rangan bas, harga makanan di kampus serta penempatan yang dapat diselesaikan sepenuhnya.

Yang Dipertua MPPUPM, Mohammad Nurulikhsan Mohd Yunus, berkata barisan MPP pimpinannya berpuas hati kerana segala janji pada pilihan raya lalu sudah ditunaikan.

Menurutnya, walaupun sukar memuaskan hati semua pihak, MPPUPM berbangga dapat melaksanakan amanah dipertanggungjawabkan bagi menjaga kebijakan pelajar.

"Sepanjang tempoh perkhidmatan, MPPUPM berusaha menyelesaikan amanah dan kepercayaan pelajar dengan sebaik mungkin.

"Segala masalah diperbaiki dan diambil tindakan seper-

timana janji kami sewaktu pilihan raya lalu.

"Hasilnya, MPPUPM berbangga kerana kami mampu bersatu hati memperjuangkan kebijakan rakan lain," katanya.

Berkat usaha MPPUPM, pelajar universiti itu kini mampu menikmati kemudahan bas lebih sempurna dan lebih kerap dari kolej kediaman ke dewan kuliah dengan penambahan enam bas baru.

Pemantauan harga makanan di kampus dijalankan serta penempatan pelajar di kolej juga menyelesaikan masalah berbangkit sebelum ini.


Malah, sepanjang MPPUPM menjalankan tanggungjawabnya, tiada isu panas berbangkit yang boleh menjelaskan keharmonian kaum di kalangan pelajar.

"MPPUPM bersedia menghadapi pilihan raya kampus akan datang dan berharap pelajar bijak memilih calon yang mampu menjaga kebijakan mereka," katanya.

HENTIAN BUDI



**SELESAI...**masalah kekurangan bas hingga menimbulkan kelewatan pelajar berjaya diselesaikan.



**TENANG...**barisan MPPUPM mengendalikan masalah pelajar dengan baik dan berjaya mengelakkan isu panas daripada berlaku sekali gus menggugat keharmonian kaum.